



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES

Edition: 16/2025

APB REMBAU E-BULLETIN



EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

**Prof. Madya Dr Norwati Hj
Roslim**

CHIEF EDITOR

**Assoc. Prof. Dr. Soo Kum
Yoke, Carolyn**

EDITORIAL COMMITTEE

**Khairon Nisa Shafeei
Shahrul Muhazad Shahrudin
Nadiah Yahyauddin**

Arsad, Nur & Yee, Mei. (2024). Enhancing STEM education through peeragogy: Exploring the impact of demographics factor. *Jurnal Pendidikan Teknologi Kejuruteraan*. 7. 170-184. 10.24036/jptk.v7i3.38423.

Chan, C., Embi, M., & Hashim, H. (2019). Primary School Teachers' Readiness Towards Heutagogy and Peeragogy. *Asian Education Studies*, 4 (11). 10.20849/aes.v4i1.602.

Corneli, J. (2012). Paragogical praxis. *E-learning and Digital Media*, 9(3), 267-272

Mohamad Anuar, M. A. ., Ming Foong, L., & Andika Bagus Nur Rahma Putra. (2024). The Practice of Heutagogy, Peeragogy and Cybergogy Approach among Vocational College Instructors. *Journal of Technical Education and Training*, 16(2), 128-136. <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/JTET/article/view/18700>

Resnick, M. (2017), *Lifelong kindergarten: Cultivating creativity through projects, passion, peers, and play*. MIT press.

Sabari, N. S. I., Roslan, N. N., Yazid, F., & Ibrahim, N. (2022). Peeragogy teaching method in oral pathology course. *Journal of International Dental And Medical Research*. 707-711.

AKAL BUDI DALAM MENDEPANI ERA KECERDASAN BUATAN

Ditulis oleh:

Siti Nur Dina Haji Mohd Ali dan Mohd Hafizul Ismail

Menurut Kamus Dewan (Edisi Keempat), akal budi bermaksud fikiran yang sihat. Ia merujuk kepada kebolehan seseorang untuk berfikir secara rasional dan bijaksana, serta mempunyai budi pekerti yang baik. Secara asasnya, akal dapat didefinisikan sebagai fikiran, daya pemikiran, atau pertimbangan. Manakala, budi merujuk kepada budi pekerti, budi bahasa atau sifat-sifat yang baik. Justeru, akal budi merupakan gabungan pemikiran yang sihat dan amalan baik di mana keduanya sama penting dalam mendepani era kemajuan teknologi berasaskan kecerdasan buatan.

Pembudayaan kecerdasan buatan atau *artificial intelligence (AI)* bukan lagi asing dalam kalangan masyarakat kini. Penggunaan teknologi ini telah digunapakai dalam pelbagai sektor seperti kesihatan, ekonomi, perkilangan, pertanian moden termasuklah sektor pendidikan (Masron, 2025). Secara asasnya, kecerdasan buatan ini merupakan teknologi yang telah dilatih untuk memiliki kebolehan berfikir seperti manusia. Teknologi ini mempunyai kelebihan untuk menyelesaikan masalah dan memberi input sedikit sebanyak telah

mempengaruhi sejumlah pengguna untuk menggunakan teknologi ini. Dunia pendidikan tidak terkecuali menerima kehadiran teknologi moden ini memandangkan penggunaanya dapat memberi impak yang positif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, AI membawa peranan penting sebagai alat pemudah cara. Sebagai contoh, penggunaan AI ini dilihat sebagai medium bagi memudahkan pensyarah menyediakan nota-nota pembelajaran kepada para pelajar berdasarkan rujukan rasmi mengikut silibus yang ditetapkan. Selain itu, penggunaan teknologi seperti AI ini dapat membantu para pelajar meningkatkan kemahiran mereka dalam komponen penulisan. Bagi komponen ini, data menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar menghadapi kebimbangan yang tinggi dalam aspek penulisan (Ali & Ismail, 2021).

Oleh itu, para pelajar boleh menggunakan aplikasi AI yang berbeza bagi mereka mendapatkan idea dan bereksperimen dengan aplikasi yang lebih sesuai digunakan mengikut kesesuaian pelajar (Payne, 2019). Hal ini secara tidak langsung memberi peluang kepada para pelajar untuk meneroka aplikasi tersebut berdasarkan keperluan tugas yang diperlukan. Tambahan pula, generasi pelajar pada era ini lebih tertumpu kepada aktiviti-aktiviti pembelajaran yang turut sama diselitkan elemen-elemen teknologi

dalam modul-modul pembelajaran yang disediakan (Ismail et al., 2023). Kepelbagaian pendekatan pengajaran ini sedikit sebanyak dapat menyediakan para pelajar universiti, khususnya, dalam mendepani kehendak global.

Walaupun penggunaan AI perlu didasari dengan pertimbangan yang jelas dalam aspek etika dan integriti. AI seharusnya berperanan sebagai pelengkap kepada pengetahuan sedia ada pengguna dan bukannya pengganti kepada pemikiran. Hakikatnya, AI hanyalah sebuah teknologi yang berkebolehan berfikir seperti manusia tetapi masih terhad dari aspek emosi dan perasaan. Oleh itu, penggunaan aplikasi ini haruslah diseimbangkan dengan pengetahuan manusia bagi memastikan maklumat yang diproses ada benar kesahihan faktanya seterusnya dapat diterjemahkan dengan berkesan. Seiring dengan kemajuan teknologi, kita perlu sentiasa menyesuaikan diri dengan evolusi teknologi yang sentiasa berkembang pesat. Hal ini sekaligus dapat menyumbang kepada tradisi pembudayaan ilmu dalam memperkasakan negara bangsa.

References:

- Ali, S. N. D. M., & Ismail, M. H. (2021). Investigating students' levels of writing anxiety in local tertiary institution, *e-Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities and Social Sciences 2021*.

- Ismail, M. H., Hassan, S., & Ali, S. N. D. H. (2023). Assessing foundation students' acceptance in using Video Conferencing Technologies (VCTs) as online learning platforms during the pandemic. *Asian Journal of University Education*, 19(1), <https://doi.org/10.24191/ajue.v19i1.21235>
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masron, M. Z. (2025, September 18). Jadikan AI sebagai penggerak ekonomi negara, *Utusan Malaysia*.
- Payne, B. H. (2019). *An Ethics of Artificial Intelligence Curriculum for Middle School Students*. Cambridge, MIT Media Lab.
- Rahim, S. (2024, Disember 22). Mengintegrasikan AI dengan akal budi insani, *UTM NewsHub*.

